

Parti2 BN- diingatkan jangan main sentimen perkauman

MUAR, Sabtu — Parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) diingatkan jangan memainkan sentimen kaum untuk meminta peruntukan lebih banyak kerusi dalam pilihanraya umum akan datang, kata Setiausaha Agung BN, Encik Abdul Ghaffar Baba.

Katanya, parti-parti komponen BN hendaklah mengamalkan semangat kepartian dan bukan memilih calon mengikut sentimen kaum, tetapi atas dasar parti yang boleh diterima oleh rakyat.

Jelasnya, tujuan UMNO memberi peluang kepada calon bukan Melayu bertanding dalam kawasan majoriti Melayu ialah untuk membuktikan rakyat dari berbilang kaum dapat bekerjasama menentukan kemenangan calon berkenaan.

"Parti-parti komponen lain juga harus mengikut semangat ini dan dalam pilihanraya nanti diharap calon Melayu dapat diterima bertanding dalam kawasan majoriti bukan Melayu," kata encik ghafar ketika merasmikan kursus sivik anjuran UMNO bahagian Muar.

Katanya, beliau akan mengambil perhatian menyelesaikan masalah tuntutan MCA terhadap kerusi Dewan Negeri Bandar Maharani di sini dan percaya parti-parti komponen BN akan mematuhi keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan parti.

Sebelum ini, Ketua Bahagian, Datuk Sulaiman Ninam Shah telah menimbulkan tuntutan MCA untuk mendapatkan semula kawasan pilihanraya itu yang kini diwakili oleh UMNO kerana kawasan berkenaan mempunyai majoriti bukan Melayu lebih 4,000 orang.

Mengenai UMNO pula, Encik Ghafar yang juga Naib Presiden UMNO Malaysia, berkata parti itu telah mengadakan beberapa peraturan untuk diikuti oleh setiap UMNO Cawangan dan Bahagian dalam menjalankan mesyuarat agung tahun depan.

Antaranya ialah semua UMNO Cawangan hendaklah menerima yuran dari setiap ahli melainkan mendapat arahan sebaliknya dari Majlis Tertinggi UMNO.

Mesyuarat Agung Cawangan hendaklah dipengerusikan oleh ahli dari cawangan itu sendiri, dan Wakil Cawangan untuk persidangan Bahagian hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Agung Cawangan itu dan akan diserahkan kepada jawatankuasa Cawangan.